

PM perjelas prasarana dan pekerja asing

Akur pemerintah boleh lakukan lebih banyak perkara untuk mengurangkan tekanan ke atas prasarana

Oleh ADLI YASHIR KUCHIT
Berita Harian, 29 January 2013



BERI JAWAPAN: Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, menjawab pelbagai pertanyaan dalam sesi perbincangan di akhir satu persidangan di Hotel Shangri-La. Bersama beliau ialah Pengarah Institut Kajian Dasar, Encik Janadas Devan.

PERDANA Menteri Lee Hsien Loong akur bahawa pemerintah boleh melakukan lebih banyak perkara untuk mengurangkan tekanan ke atas prasarana tempatan akibat kemasukan pekerja dan pendatang asing serta bertekad akan melaksanakan yang lebih baik.

Beliau berkata, perubahan ekonomi telah berlaku dengan amat pesat sehingga pemerintah tidak berupaya membuat 'ramalan yang sempurna' mengenai apa yang akan berlaku.

"Pada ketika itu, ekonomi tumbuh lebih cepat daripada apa yang kami jangkakan dan saya memutuskan kita perlu mengambil kesempatannya."

"Namun memang benar ada banyak perkara yang boleh kita lakukan," kata Encik Lee.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sesi dialog yang diadakan dalam rangka satu sidang tahunan anjuran Institut Pengajian Dasar (IPS), semalam.

Persidangan di Hotel Shangri-la itu membincangkan topik berkaitan cara pemerintahan negara.

Antara soalan yang dikemukakan seorang peserta ialah mengenai 'silap langkah pemerintah' membenarkan kemasukan pekerja asing tanpa membina prasarana yang secukupnya.

Dalam responsnya, Encik Lee memberikan urutan peristiwa seawal 2000.

Menurut beliau, ekonomi ketika itu sedang meleset, harga rumah merosot dan dijangka berlarutan.

Namun menjelang 2005 hingga 2006 ekonomi mula berkembang dan Encik Lee berkata beliau mengambil keputusan mengambil manfaat daripadanya.

"Kami mahu ekonomi tumbuh. Kami mahu Singapura maju dan kami tidak tahu berapa lama ia boleh bertahan.

"Namun kami akui bahawa penduduk telah bertambah lebih pesat daripada prasarana," jelas Encik Lee.

Mengimbas kembali, Encik Lee berkata jika kita direnung kembali, lebih banyak perkara mungkin boleh dilakukan.

"Terdapat persoalannya sama ada kita harus melepaskan peluang atau memanfaatkan peluang pertumbuhan ekonomi," kata Encik Lee.

Dalam sesi dialog itu, Encik Lee turut membincangkan pelbagai isu berkaitan pemerintahan.

Antara topik yang dibincangkan termasuk pilihan raya kecil Punggol East minggu lalu, nilai-nilai yang perlu dikongsi sama dengan rakyat dan strategi Parti Tindakan Rakyat (PAP) menawan semula kawasan-kawasan undi yang telah jatuh ke tangan pembangkang.